

12 SEP 2003

BAJET: CAJ AKSES INTERNET TURUN MELALUI BAJET 2004

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Caj akses Internet kini menjadi lebih rendah berikutan pengumuman cadangan-cadangan di bawah Bajet 2004.

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa membentangkan bajet itu di Dewan Rakyat di sini, hari ini berkata Telekom Malaysia Bhd akan mengurangkan caj akses Internet termasuk akses jalur lebar.

Pakej industri dan korporat akan menyaksikan diskaun sebanyak 50 peratus bermula dengan 30 peratus bagi fasa satu dan 20 peratus lagi bagi fasa dua.

Jalur lebar Internet pengguna akan menyaksikan pengurangan sebanyak 30 peratus.

Bajet 2004 juga mencadangkan supaya pembekal perkhidmatan Internet, Jaring, digabungkan dengan TMnet, satu lagi syarikat pembekal perkhidmatan Internet milik Telekom Malaysia, untuk memberikan perkhidmatan Internet yang lebih cekap.

Dr Mahathir berkata, oleh kerana Cyberjaya akan menjadi pangkalan bagi perkhidmatan-perkhidmatan terpilih, kemudahan akses dan kualiti perkhidmatan jalur lebar akan ditambahbaiki manakala kosnya akan diturunkan ke tahap yang lebih berdaya saing berbanding negara-negara lain.

-- BERNAMA

SHY SHY KY AZH